

ISLAM SEBAGAI AL-DIN



PENULIS :
AIEZZATUL AKMALIYAH BINTI ABDULLAH
WATI BINTI MOHAMMAD

PENGAJIAN AM

Cetakan Pertama 2021
@Politeknik Kuala Terengganu

Tidak dibenarkan diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Politeknik Kuala Terengganu.

Diterbitkan oleh :
Politeknik Kuala Terengganu
20200 Jalan Sultan Ismail
Kuala Terengganu, Terengganu
 09-6204100

Aiezzatul Akmaliyah Abdullah, 1983-

ISLAM SEBAGAI AL-DIN / PENULIS: AIEZZATUL AKMALIYAH BINTI ABDULLAH,
WATI BINTI MOHAMAD.

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-2240-23-5

1. Islam.

2. Government publications--Malaysia.

3. Electronic books.

I. Wati Mohamad, 1972-. II. Judul.

297

ISI KANDUNGAN

1. Prakata	i
2. Abstrak	ii
3. Sinopsis	iii
4. Kenali Penulis	iv
5. Pengenalan	1
6. Pengenalan Tasawur Islam	2
7. Ciri-Ciri Kesempurnaan Islam	3
8. Definisi Iman	10
9. Peringkat Keimanan	11
10. Rukun Islam	13
11. Rukun Iman	33
12. Ihsan dan Permasalahannya	41
13. Latihan Pengukuhan	42
14. Senarai Rujukan	47



PRAKATA

Setinggi-tinggi Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, e-book bertajuk ISLAM SEBAGAI AL-DIN” ini berjaya diterbitkan.

e-book bertajuk Islam Sebagai Al-Din merupakan sebahagian daripada topik dalam kursus Pengajian Islam MPU23032. E-book ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada semua pengajar dan pelajar mengikut silibus yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi.

Terima kasih diucapkan kepada pihak Politeknik Kuala Terengganu kerana memberi peluang untuk menghasilkan e-book ini sebagai sumbangan kami kepada institusi dan sebaran ilmu.

Semoga e-book ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh semua pembaca.

Sekian, terima kasih

Disediakan oleh:

Aiezzatul Akmaliyah binti Abdullah
Wati binti Mohamad

ABSTRAK

Islam Sebagai Al-Din merupakan

topik pertama dalam kursus Pengajian Islam

(MPU23032). Kursus ini merupakan salah satu antara kursus-kursus yang ditawarkan oleh Jabatan Pengajian Am, Seluruh Politeknik Malaysia dan wajib diambil bagi pelajar Muslim semester 2. Kandungan e-book yang disediakan ini membincangkan pelbagai topik dari pengertian Islam, Iman dan Ihsan sehinggalah pelaksanaan Rukun Iman. E-book ini juga disertai dengan infografik dan gambarajah yang menarik bagi membantu pemahaman para pensyarah dan pelajar di samping menambah minat untuk membacanya. Di akhir kandungan, disediakan soalan-soalan pengukuhan beserta beberapa link permainan menggunakan QR Code bagi menguji kefahaman pelajar seterusnya membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif. Hasil daripada pembelajaran ini ialah pelajar dapat melaksanakan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan seharian.

Kata kunci : Al-Din, Iman, Islam

SINOPSIS

Topik Islam Sebagai Al-Din

membincangkan tentang pelbagai topik dari pengertian Islam, Iman dan Ihsan sehingga pelaksanaan Rukun Iman yang bertujuan melahirkan warganegara yang faham tasawwur (konsep) Islam sebagai satu cara hidup yang bersepadu dan seimbang serta berupaya menghadapi pelbagai masalah dan cabaran. Huraian ringkas dalam bentuk nota e-book yang turut disertai dengan infografik dan gambara rajah menarik bagi membantu pemahaman para pensyarah dan pelajar di samping menambah minat untuk membacanya.

E-book ini juga dilengkapi soalan-soalan pengukuhan beserta beberapa link permainan menggunakan QR Code bagi menguji kefahaman pelajar seterusnya membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif.





KENALI PENULIS



AIEZZATUL AKMALIYAH BINTI ABDULLAH

Berkhidmat sebagai Pensyarah di
Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kuala
Terengganu. Berpengalaman mengajar
dan sebagai Penyelaras Kursus
Pengajian Islam di JPA, PKT.



WATI BINTI MOHAMMAD

Berkhidmat sebagai Ketua Jabatan
dan pensyarah di Jabatan
Pengajian Am, Politeknik Kuala
Terengganu. Berpengalaman
mengajar dan pernah menjadi
Penyelaras Kursus Pengajian Islam
di JPA, PKT

ISLAM SEBAGAI AL-DIN

E-book

Edisi Pertama



CLO 1:

Melaksanakan dengan yakin
amalan Islam dalam kehidupan
seharian






PENGENALAN

Aturan atau sistem hidup yang lengkap dan sempurna yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW sebagai pedoman hidup bagi seluruh manusia.

Islam sebagai Al-Din yang lengkap dan sempurna yang membicarakan segala perkara dalam kehidupan manusia dan ajarannya tiada sebarang kekurangan dan kecacatan. Oleh itu Islam meliputi segala aspek kehidupan manusia sama ada dunia ni dan ukhrawi antaranya aqidah, ibadah, syariah, akhlak, kebudayaan, ilmu pengetahuan, ekonomi, politik dakwah, pergaulan, jihad, kenegaraan dan sebagainya.

Aspek-aspek ini tidak boleh dipisahkan dalam menjalani kehidupan seharian kerana boleh merosakkan ajaran Islam.





PENGENALAN TASAWUR ISLAM

TASAWUR ISLAM

Gambaran menyeluruh tentang isi kandungan ajaran Islam yang meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak

DEFINISI ISLAM

Agama ciptaan Allah yang lengkap dan sempurna dengan segala peraturan dan undang-undang yang merangkumi segalanya bagi menjamin keselamatan manusia di dunia dan akhirat

DEFINISI IHSAN

Melakukan sesuatu ibadah dan pekerjaan berdasarkan ilmu dan kefahaman yang betul mengikut peraturan dan ikhlas kerana Allah SWT.

ISLAM SEBAGAI AL- DIN

Mengajar dan menyuruh umatnya berpandangan jauh dengan mengambil kira kepentingan dunia dan akhirat secara seimbang dan seiring disamping kepentingan rohani dan jasmani

TASAWUR ISLAM

BIDANG TASAWWUR ISLAM

1

2

3

ALLAH SEBAGAI
TUNA PENCIPTA

ALAM SEMESTA

INSAN SEBAGAI
MAKHLUK

CIRI - CIRI KESEMPURNAAN ISLAM

RABBANIYYAH (KETUHANAN)

'ALAMIYAH (KESEJAGATAN)

WAQI'IYAH (REALITI)

ISLAM AGAMA AGUNG

KAMIL & SYAMIL (LENGKAP & MENYELURUH)

ISLAM AGAMA FITRAH

RABBANIYYAH (KETUHANAN)

DEFINISI RABBANIYYAH

Seluruh alam, peraturan serta sistem yang terkandung dalam Islam merupakan ciptaan Allah SWT dan digubal oleh Nya.

PRINSIP RABBANIYYAH

Mengetahui dan yakin bahawa Allah Maha Berkuasa dan berhak berbuat mengikut kehendak Nya.

Menyakini bahawa Allah Maha Mengetahui akan keseluruhan ciptaan Nya.

Menyakini bahawa segala peraturan hidup yang dicipta oleh Allah adalah didasarkan oleh sifat Allah Maha Bijaksana dan Maha Adil

Menyakini bahawa manusia bersifat lemah dan tidak berupaya untuk mencapai tahap kesempurnaan.

'ALAMIYYAH (KESEJAGATAN)

DEFINISI

'ALAMIYYAH

Agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman. Islam juga memberi rahmat kepada semua manusia dan makhluk di muka bumi ini.

PRINSIP 'ALAMIYYAH

Kedudukan manusia sebagai sebaik-baik kejadian

Nilai keadilan Islam bersifat sejagat


Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran

Islam menjamin hak asasi manusia

WAQI'IYAH (REALITI)

DEFINISI WAQI'IYAH

Agama bukan agama berlandaskan teori tetapi perlu dibuktikan dengan amal perbuatan seperti solat, berpuasa dan sebagainya



ISLAM AGAMA AGUNG

DEFINISI

ISLAM AGAMA AGUNG

Ayat al -Quran itu menjelaskan kedudukan Islam di sisi Allah SWT. Tiada sebarang penjelasan bagi menafikan kedudukan Islam di sisi Allah SWT sebagai satu agama samawi yang benar.

Rasulullah SAW menjelaskan kedudukan Islam menerusi sabdanya bermaksud : *"Islam itu tinggi dan tidak ada yang mengalahkan ketinggiannya."* (Hadis riwayat al-Baihaqi).

Islam tersebar tersebar atas usaha Rasulullah SAW dan sahabat yang berpegang teguh terhadap kebenaran Islam. Semuanya tidak terjadi melainkan dengan pertolongan Allah SWT yang disertakan dengan keredaan Nya.

KAMIL & SYAMIL (LENGKAP & MENYELURUH)

DEFINISI KAMIL & SYAMIL

Kamil bererti lengkap dan sempurna. Syamil ialah menyeluruh. Islam bukan hanya agama yang berbentuk teori dan lisan sahaja, malah Islam adalah agama yang mencakupi seluruh kejadian manusia.

Seluruh sistem yang ada dalam Islam adalah bersifat sempurna dan tidak ada cacat cela.

Islam adalah agama yang mencakupi seluruh kejadian manusia dalam seluruh bidang kehidupannya

Sistem Islam sesuai dengan keadaan, suasana atau rupa bentuk kehidupan manusia dan hubung kaitnya dengan alam seluruhnya tanpa mengira tempat dan masa.

ISLAM AGAMA FITRAH

DEFINISI ISLAM AGAMA FITRAH

Agama Islam sesuai dengan naluri fitrah beragama manusia yang ingin menyembah dan berdoa kepada Allah SWT. Setiap bayi yang lahir berada dalam keadaan fitrah iaitu mengakui kebenaran tauhid.

FITRAH KEJADIAN MANUSIA MENGAKUI KEPERLUAN BERAGAMA

Membantu manusia mengetahui tentang hakikat alam kerana akal dan pancaindera manusia terbatas.

Membantu manusia mengenali hakikat penciptaan dan tujuan kehidupannya.

Menjelaskan kepada manusia tentang peraturan dan cara hidup yang mulia.

Apabila manusia berada dalam kesusahan dan penderitaan mereka pasti akan segera mencari tuhan untuk memohon perlindungan dan bantuan.

Bukti sejarah juga menunjukkan bahawa rumah ibadat pasti dibina dalam setiap kota.



DEFINISI IMAN

Bahasa

- Percaya, yakin, membenarkan

Syarak

Kepercayaan yang terbit daripada hati seseorang, iaitu mempercayai dengan penuh keyakinan bahawa apa-apa yang dibawa oleh rasulullah SAW adalah benar dan datangnya daripada Allah SWT.

Imam al-Ghazali r.a

“Pengakuan dengan lidah (lisan, membenarkan dengan pengakuan itu dengan hati dan mengamalkannya dengan rukun (anggota)”

al-Hasan al Basri r.a


“Bukanlah iman itu dengan perhiasan dan cita-cita akan tetapi iman itu ialah apa yang teguh dalam hati dan dibenarkan oleh amal. Barang siapa berkata (ikrar) baik pada hal ia mengerjakan amal yang tidak baik, nescaya Allah menolak perkataannya. Dan barang siapa berkata dan berbuat baik, nescaya mengangkat akan amalnya.”

Orang yang beriman adalah orang yang beramal kerana amal membuktikan keimanannya. Jika tidak, maka imannya adalah mainan perasaan dan cita-cita sahaja.






PERINGKAT KEIMANAN



PERINGKAT KEIMANAN



- Beriman dengan Rukun Islam tetapi hanya ikut-ikutan. Pegangan dan Prinsip Islamnya tidak kuat dan tidak kukuh.
- Iman yang berdasarkan ilmu iaitu seseorang yang telah mempelajari Allah, Malaikat, Kitab, Nabi, Hari Qiamat dan lain-lain yang diwajibkan mengimannya.
- Hasil daripada latihan yang bersungguh-sungguh dari Iman Ilmu akan meningkat kepada Iman A'yan. Untuk mencapainya perlu perbanyakkan amalan-amalan sunat yang dituntut, solat tahajud, qiamullail dan bergaul dengan orang-orang soleh.
- Iman yang sebenar. Dicipta sesudah Iman A'yan.
- Seseorang yang mencapai Iman Haq, mata hatinya hanya melihat Allah. Setiap kali dia melihat kejadian, hati dan fikirannya hanya tertumpu kepada Allah.
- Peringkat Iman tertinggi dan paling sempurna dimiliki oleh Rasul dan Nabi, Khulafa' Rasyidin dan wali besar (para kekasih Allah).
- Mereka dimasukkan ke dalam Syurga yang paling tinggi tanpa dihisab.
- Hati mereka kekal mengingati Allah dalam tidur mahupun jaga. Setiap perbuatan mereka menjadi ibadah kepada Allah.

RUKUN ISLAM

RUKUN ISLAM

MENGUCAP DUA KALIMAH SYAHADAH

SEMBAHYANG 5 WAKTU

PUASA DI BULAN RAMADAN

MENGELUARKAN ZAKAT

MENUNAIKAN HAJI

“ Sesungguhnya agama yang benar dan direbahai di sisi Allah ialah Islam “
(Surah Ali ‘Imran 3 :19)

1

KALIMAH SYAHADAH

DEFINISI SYAHADAH

- Bahasa : Pengetahuan, penyaksian, perkhabaran dan pegangan
- Syarak :Satu kesaksian @ikrar berlandaskan apa-apa yang diketahui kerana percaya dan yakin tentang kebenaran sama ada dalam bentuk lisan maupun perbuatan



“ Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad pesuruh Allah”

SYAHADAH TERBAHAGI KEPADA DUA

- a) Syahadah Kepada Allah
 - Tauhid Rububiyyah
 - Tauhid Uluhiyyahhid
 - Tauhid Asma' wa al-Sifat
- b) Syahadah Kepada Rasul
 - Nabi Muhammad ialah nabi dan Rasul untuk seluruh manusia hingga akhir zaman
 - Diturunkan al-Quran sebagai wahyu terakhir.
 - Penghulu seluruh nabi dan rasul

SYAHADAH KEPADA ALLAH

- ❖ Syahadah kepada Allah SWT bermaksud mentauhidkan Allah dengan tauhid Rububiyyah, tauhid Uluhiyyah, tauhid al-Asma' wa al-Sifat.
- ❖ Terdapat 2 perkara rukun dalam kalimah la ila ha illa Allah iaitu *nafi* (penafian) dan *ithbat* (penegasan).

Penafian : kalimah la ila ha yang bererti menolak apa-apa bentuk pengabdian selain Allah

Penegasan : kalimah illallah yang bererti menegaskan hakikat Tuhan Yang Maha Esa

TAUHID RUBUBIYYAH

Iktikad / keyakinan bahawa Allah SWT mempunyai sifat yang sempurna. Segala sesuatu yang ada di dalam alam ini ialah milik Allah SWT.

TAUHID ULUHIYYAH

Mengesakan Allah SWT dalam peribadatan dan penyembahan kepada Allah menurut cara dan kaedah yang telah disyariatkan yang berupa amalan hati dan anggota lahiriah.

TAUHID ASMA' WA AL- SIFAT

Mengesakan nama-nama Allah SWT dari sudut segala nama dan sifat Nya. Allah sahaja yang layak bersifat dan memiliki sifat kesempurnaan itu. Kita wajib mempercayai dan beriman dengan segala namadan sifat Allah SWT.

SYAHADAH KEPADA RASUL

- ❖ Syahadah kepada Allah SWT bermaksud ikrar dan *tasydiq* dengan segala syariat yang dibawa oleh Nabi atau Rasulullah SAW dan segala pemberitahuan tentang perkara ghib semuanya dating daripada Allah serta menerima semua akhlak dan sifat kerasulan seperti siddiq, amanah, tabligh, dan fatanah.
- ❖ **Pembuktian dengan perkataan** : melafazkan kalimah syahadah dengan lidah.
- ❖ **Pembuktian dengan perbuatan** : menegakkan tingkah laku dan seluruh tindak tanduk yang bersesuaian dengan dengan ajaran nabi Muhammad SAW serta menurut jejak langkah baginda.

SEBAB YANG BOLEH MEMBATALKAN SYAHADAH

PERTAMA : IKTIKAD

Kepercayaan yang bertentangan dengan dasar Islam.

Contoh: percaya bahawa alaam ini *qadim* (sedia kala), tidak ada pencipta atau alam ini kekal selama-lamanya..

KEDUA : PERKATAAN

Tiap-tiap perkataan yang mencaci, menghina, merendah-rendahkan, mengejek dan mempermainkan nama Allah, sifat-Nya, malaikat-Nya, rasul-Nya, kitab-Nya, ayat-ayat-Nya dan Hukum-Nya serta hukum yang diterangkan oleh rasul-Nya.

KETIGA : PERBUATAN

Tiap-tiap perbuatan dilakukan untuk menghormati dan mengagungkan mana-mana makhluk dengan cara tertentu yang pada hakikatnya ingin membesarakan dan mengagungkan Allah seperti sujud kepada makhluk walaupun tiada berniat menghormatinya sama seperti Tuhan atau tunduk kepada mana-mana makhluk sampai kepada had sekurang-kurangnya rukuk sembahyang dengan tujuan menghormatinya seperti menghormati Allah.

2

SOLAT

DEFINISI SOLAT

- Bahasa : Doa
- Syarak : ibadah yang tersusun daripada beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbir dan disudahi dengan salam

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كَتِبَةً مَوْقُوتًا

“ Sesungguhnya sembahyang itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya ke atas orang-orang yang beriman.”

(Surah al-Nisa' 4 :103)

PEMBAHAGIAN SOLAT

Syarat Wajib Solat

Syarat Sah Solat

Rukun Solat

Perkara sunat dalam solat

Perkara membatalkan solat

SYARAT WAJIB SOLAT


- ❖ Islam
- ❖ Baligh
- ❖ Berakal
- ❖ Suci daripada haid dan nifas
- ❖ Sejahtera pancaindera (orang yang buta, tuli, bisu sejak kecil tidak diwajibkan)
- ❖ Sampai seruan agama Islam
- ❖ Tidak tidur

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : “

Yang terlepas daripada hukuman ada tiga : Kanak-kanak hingga dia dewasa, orang tidur hingga dia sedar dan orang gila hingga dia sembuh.”

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)

SYARAT SAH SOLAT



- ❖ Yakin masuknya waktu solat
- ❖ Menghadap kiblat
- ❖ Menutup aurat
- ❖ Suci daripada najis
- ❖ Suci daripada hadas

RUKUN SOLAT



RUKUN QAULI



RUKUN FILI



RUKUN QALBI

← PEMBAHAGIAN RUKUN SOLAT →

MAKSUD

Apa-apa yang diucap dengan lidah (bacaan)

MAKSUD

Perbuatan yang dilakukan semasa solat.

MAKSUD

Lintasan dalam hati yang merangkumi dua perkara.

PERKARA

Merangkumi 5 perkara :

- Lafaz *Takbiratulihram*
- *Bacaan al Fatihah*
- *Bacaan tahiyyat akhir*
- *Selawat dalam tahiyyat akhir*
- Lafaz salam yang pertama

PERKARA

Merangkumi 6 perkara :

- Berdiri tegak
- Rukuk
- Iktidal
- Sujud
- Duduk di antara dua sujud
- Duduk ketika membaca tahiyyat akhir

PERKARA

Merangkumi 2 perkara:

- Niat
- Tertib

PELAKSANAAN RUKUN SOLAT



SUMBER INFOGRAFIK : JAKIM, MALAYSIA

PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT

Semasa menunaikan solat, pastikan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh membatalkan solat seperti :



SUMBER INFOGRAFIK : INTERNET

3

PUASA

DEFINISI PUASA

- Bahasa: Menahan diri daripada sesuatu.
- Syarak: menahan diri daripada melakukan perkara yang boleh membatalkan puasa pada waktu yang ditetapkan bermula terbit fajar hingga terbenam matahari terhadap orang tertentu dengan syarat tertentu yang disertai niat.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُنْ بِعَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُنْتُمْ عَلَى
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ
183

“Wahai orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang sebelum kamu agar kamu bertakwa” (Surah al-Baqarah 2 : 183)

PEMBAHAGIAN PUASA

Rukun Puasa

Syarat Wajib Puasa

Keadaan Orang Uzur Syar'i Berpuasa

Syarat Sah Puasa

Perkara Membatalkan Puasa

Perkara Sunat dan Makruh Ketika Berpuasa

Kebaikan dan Kelebihan Puasa

RUKUN PUASA

1. **Niat**, iaitu lafaz niat puasa
2. **Menahan Diri** iaitu menahan diri atau menjauhi perkara yang boleh membatalkan puasa

SYARAT WAJIB PUASA

1. Islam
2. Taklif
3. Bebas daripada uzur syar'i

ORANG YANG DIBOLEHKAN TIDAK MELAKSANAKAN IBADAH PUASA

Orang yang sakit
(boleh merbahayakan diri)

Orang yang bermusafir untuk perkara yang disyariatkan

Wanita hamil dan menyusu anak

Orang tua lanjut usia

Haid dan nifas

SYARAT SAH PUASA

1. Islam
2. Menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa
3. Suci daripada haid dan nifas
4. Mumaiyiz (dapat membezakan sesuatu yang baik dan buruk)

PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA

Perkara 2 = MEMBATALKAN PUASA

The infographic illustrates 7 reasons that break a fast (Puasa). Each reason is numbered and accompanied by a cartoon illustration:

- 01 Makan dan minum, sedikit atau banyak.
- 02 Memasukkan sesuatu ke dalam rongga badan
- 03 Sengaja muntah
- 04 Persetubuhan
- 05 Mengeluarkan air mani
- 06 Keluar Darah Haid atau Nifas
- 07 Gila atau Murtad

Semuanya membatalkan puasa apabila dilakukan secara sengaja (kecuali gila), jika tidak sengaja, terlupa atau dipaksa, maka tidak batal.

Rujuk Fiqh al-Manhaji (1/241-245).

Sahibus Samahah
Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri

PHF#03 SUMBER
<http://maulidur.com>
Al-Kafi #395
PERKARA-FERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA

الكافي للفتوا
Al-Kafi li Al-Fatwa

PERKARA SUNAT DAN MAKRUH KETIKA BERPUASA

PERKARA SUNAT KETIKA BERPUASA



Berbuka dengan buah kurma atau @ sesuatu yang manis



Percepatkan berbuka setelah masuk waktu & melewatkhan sahur



Perbanyakkan zikir, membaca al-Quran dan bersedekah



Melakukan solat terawih secara berjemaah



PERKARA MAKRUH KETIKA BERPUASA



BERKUMUR -KUMUR BERLEBIHAN

MANDI TERLALU KERAP



MERASA MAKANAN DENGAN LIDAH

TIDUR SEPANJANG HARI



BERCAKAP PERKARA KEJI DAN BURUK?



4

ZAKAT

DEFINISI ZAKAT

- Bahasa: Bersih, Suci, Subur, Berkat dan Berkembang
- Syarak : Mengeluarkan sebahagian harta tertentu diberikan kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكُوَةَ وَمَا تُقْدِمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِّنْ خَيْرٍ

١١٠ تَبَدُّوْهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ



“ dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat. Dan segala kebaikan yang kamu kerjakan untuk dirimu, kamu akan mendapatkannya (pahaja) di sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan”

(Surah al- Baqarah 2 : 110)


PEMBAHAGIAN ZAKAT

HUKUM ZAKAT	JENIS ZAKAT
KELEBIHAN BERZAKAT	GOLONGAN WAJIB MENERIMA ZAKAT

HUKUM DAN JENIS ZAKAT



GOLONGAN YANG WAJIB MENERIMA ZAKAT



HIKMAH DISYARIATKAN ZAKAT

- ❑ Mengagihkan sebahagian kecil kekayaan daripada golongan yang berada kepada golongan yang kurang berada.
- ❑ Membersihkan diri pembayar zakat.
- ❑ Membersihkan dan menyuburkan harta.
- ❑ Mewujudkan sifat bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT di kalangan golongan yang berada.
- ❑ Mengurangkan perasanan dan irihati di kalangan yang kurang bernasib baik.
- ❑ Mewujudkan perhubungan baik antara hamba dengan Allah SWT.
- ❑ Mewujudkan kesatuan di kalangan masyarakat Islam dalam urusan ekonomi dan kewangan.




DEFINISI HAJI

- Bahasa: Mengunjungi tempat yang mulia.
- Syarak : Mengunjungi Baitullah di Mekah kerana mengerjakan ibadat tertentu pada masa tertentu dengan syarat-syarat yang tertentu.

وَأَتِمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةِ لِلَّهِ

“Dan sempurnakanlah Haji dan Umrah kerana Allah”
(Surah al- Baqarah 2 : 110)

PEMBAHAGIAN HAJI



HUKUM MENGERJAKAN HAJI

WAJIB

- Jika mampu dan sempurna syaratnya.
- Jika bernazar @ haji terdahulu batal

SUNAT

- Bagi kanak-kanak yang belum baligh
- Mengerjakan haji kali kedua dan seterusnya.


RUKUN DAN WAJIB HAJI

RUKUN HAJI ADA 6

1. Niat Ihram Haji
2. Wukuf Di Arafah
3. Tawaf Haji
4. Sa'ie Haji
5. Bercukur@ Bergunting
6. Tertib Pada Kebanyakan Rukun Haji

WAJIB HAJI ADA 6

1. Niat Ihram Di Miqat
2. Meninggalkan Perkara Larangan Dalam Ihram
3. Bermalam Di Muzdalifah
4. Melontar Jamrah Kubra Pada 10 Zulhijjah
5. Bermalam Di Mina Pada 11, 12 Dan 13 Zulhijjah
6. Melontar Ketiga-tiga Jamarat Pada Hari Tasyrik



INDIVIDU

- Menghapus dosa-dosa kecil
- Membersihkan jiwa daripada maksiat.
- Meningkat keimanan
- Memperbaharui ikrar keimanan kepada Allah
- Melahirkan kesyukuran dengan nikmat harta dan kesihatan

HIKMAH
MENGERJAKAN HAJI

MASYARAKAT

- Saling berkenalan sesama umat Islam
- Membantu mempertingkatkan ekonomi umat Islam
- Meneguhkan hubungan persaudaraan umat Islam
- Menyapupadukan umat Islam tanpa mengikut bangsa dari seluruh dunia



RUKUN IMAN


PERINGKAT KEMANAN



BERIMAN KEPADA ALLAH

MAKSUD

- Membesar dengan yakin akan kewujudan dan keesaan Allah SWT. Dalam kekuasaan Nya mencipta seluruh makhluk dan alam serta mempunyai segala sifat kesempurnaan seperti Maha Mendengar, Maha Mengetahui, Maha Pengasih.



KESAN BERIMAN KEPADA ALLAH

- ⑩ Berasa tenang bahawa Allah memiliki kekuasaan dan keadilan.
- ⑩ Alam dijadikan untuk dimanfaatkan dan sebagai amanah yang perlu dijaga dan dipelihara oleh manusia.
- ⑩ Sentiasa memelihara hubungan sesama manusia dengan amalan teras nilai-nilai murni.
- ⑩ Kejayaan sebenar - Berjaya melaksanakan kewajipan sebagai hamba dengan menghayati cara hidup Islam di mana-mana tempat dan kedudukan



BERIMAN KEPADA MALAIKAT

MAKSUD

- Yakin bahawa Allah SWT mencipta makhluk yang berada di alam ghaib dan tabiatnya tidak dapat dilihat dengan pandangan kasar. Malaikat dicipta untuk memenuhi segala perintah Allah semata-mata.



KESAN BERIMAN KEPADA MALAIKAT

⑩ Sentiasa berhati-hati dalam menjalani kehidupan kerana percaya ada malaikat yang ditugaskan untuk mencatat dosa sekiranya dia melakukanaksiat.

⑩ Membentuk keinginan yang kuat untuk beribadat kerana yakin amalan baik akan dicatat, dihitung dan diberi ganjaran oleh Allah kelak.

NAMA MALAIKAT YANG WAJIB DIKETAHUI

Jibril a.s	→ Malaikat yang membawa wahyu kepada para Rasul dan Nabi.
Mikail a.s	→ Malaikat yang bertugas membahagikan rezeki.
Israfil a.s	→ Malaikat yang meniup sangkakala pada hari kiamat.
Izrail a.s	→ Malaikat pengambil nyawa.
Ridwan a.s	→ Malaikat penjaga syurga.
Malik a.s	→ Malaikat penjaga neraka
Raqib a.s dan Atid a.s	→ Malaikat penulis amal manusia yang baik dan yang jahat.
Munkar a.s dan Nankir a.s	→ Malaikat yang menyoal mayat di dalam kubur.

BERIMAN KEPADA KITAB

MAKSUD

- Yakin bahawa kitab yang diturunkan Allah SWT kepada para Nabi dan Rasul. Kitab tersebut mengandungi segala pengajaran yang disampaikan oleh para nabi dan rasul sama ada berbentuk titah perintah, larangan dan panduan kepada umat mereka.

⑩ Mendapat hidayah Allah.

⑩ Mendapat rahmat dan redha Allah

⑩ Mendapat ketenteraman jiwa

⑩ Melahirkan manusia berilmu.

⑩ Menjamin keamanan dan

kesejahteraan manusia sejagat

TAURAT	<ul style="list-style-type: none"> • Diturunkan kepada Nabi Musa a.s. . Kaum yang menerimanya ialah Bani Israil. • Dalam bahasa Ibrani. • Kandungannya ialah pengajaran dan bimbingan.
ZABUR	<ul style="list-style-type: none"> • Diturunkan kepada Nabi Daud a.s. Kaum yang menerimanya ialah Bani Israil. • Dalam bahasa Siryani. • Kandungannya ialah kata-kata hikmat dan nasihat.
INJIL	<ul style="list-style-type: none"> • Diturunkan kepada Nabi Isa a.s. Kaum yang menerimanya ialah Bani Israil. • Dalam bahasa Ibrani. • Kandungannya ialah hukum-hukum khas dan terhad kepada Bani Israil sahaja.
AL-QUR'AN	<ul style="list-style-type: none"> • Diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Kaum yang menerimanya ialah Bangsa Arab dan semua manusia hingga berlakunya kiamat. • Dalam bahasa Arab. • Kandungannya ialah syariah untuk membimbing manusia dalam seluruh aspek kehidupan mereka.

BERIMAN KEPADA NABI DAN RASUL

MAKSUD

- Manusia pilihan Allah SWT yang diutuskan bagi memandu manusia untuk mendapatkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat

KESAN BERIMAN KEPADANABI DAN RASUL

- ⑩ Manusia terhindar dari gejala buruk apabila mencontohi akhlak nabi dan rasul.
- ⑩ Berasa yakin dalam beribadah kerana percaya ibadah yang dialakukan menepati tuntutan yang disyariatkan Allah.


Sebanyak 25 orang nabi yang disebut dalam al-Qur'an dan wajib diketahui iaitu:

1. Nabi Adam a.s	10. Nabi Yaakub a.s	
2. Nabi Idris a.s	11. Nabi Yusuf a.s	19. Nabi Ilias a.s
3. Nabi Nuh a.s	12. Nabi Ayub a.s	20. Nabi Iliayasak a.s
4. Nabi Hud a.s	13. Nabi Syuaib a.s	21. Nabi Yunus a.s
5. Nabi Salleh a.s	14. Nabi Musa a.s	22. Nabi Zakaria a.s
6. Nabi Ibrahim a.s	15. Nabi Harun a.s	23. Nabi Yahya a.s
7. Nabi Luth a.s	16. Nabi Zulkifli a.s	24. Nabi Isa a.s
8. Nabi Ismail a.s	17. Nabi Daud a.s	25. Nabi Muhammad s.a.w.
9. Nabi Ishak a.s	18. Nabi Sulaiman a.s	

BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT

MAKSUD

- Percaya pada hari kemasuhanan, kehancuran dan kematian bagi seluruh alam serta makhluk yang bernyawa. Allah akan menghidupkan semua makhluk dan dihimpunkan di Padang Mahsyar untuk menerima pengadilan. Sesiapa yang diampunkan dan kebaikannya melebihi kejahatannya, maka akan dimasukkan dalam syurga dan sebaliknya akan ditempatkan di neraka.



KESAN BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT



- ⑩ Manusia akan berfikir dan menimbangkan setiap perkara yang bakal dilakukan kerana setiap sesuatu itu akan dihisab.
- ⑩ Mendorong manusia meningkatkan amal kebajikan dengan berkorban jiwa, harta dan kesenangan demi menurut perintah agama



BERIMAN KEPADA QADA' DAN QADAR

MAKSUD

- Mempercayai segala yang berlaku dan peristiwa yang berlaku di dunia menurut ketentuan dan ketetapan Allah SWT . Manusia dijadikan oleh Allah SWT dan DiaLah yang menentukan perjalanan , gerak geri dan kelakuannya.

KESAN BERIMAN KEPAD A QADA' DAN QADAR


⑩ Berasa tenang kerana yakin akan ketentuan Allah yang Maha Adil terhadap hambaNya.

⑩ Manusia tidak sompong dan bongkak kerana mereka yakin segala yang berlaku mengikut ilmu dan kebijaksanaan Allah SWT. Bukan kehendak manusia semata-mata.



KAEDAH MENJAGA DAN MEMPERTINGKATKAN IMAN

MENIMBA ILMU
PENGETAHUAN



MEMBACA AL-QURAN



SEMAKIN MENGENAL
NAMA-NAMA ALLAH SWT
DAN SIFAT-SIFAT NYA



“IMAN”
Bertambah
dengan Ketaatan,
Berkurang dengan
kemaksiatan

MEMPELAJARI SEJARAH
NABI MUHAMMAD DAN
SAHABAT-SAHABAT
BAGINDA



MERENUNGI SEGALA
KEKUASAAN ALLAH
TERHADAP MAKHLUKNYA



MENJAGA DIRI DARI HAL
YANG DAPAT MENGOTORI
IMAN






IHSAN DAN PERMASALAHANNYA

IHSAN dimaksudkan dengan perasaan menyedari tentang pengawasan Allah SWT terhadap segala tindak tanduk yang dilakukan .

Rasulullah SAW menghuraikan maksud ihsan :

Bahawa engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat Allah, dan jika tidak berupaya demikian maka hendaklah menyedari bahawa Allah SWT melihat Engkau”





LATIHAN PENGUKUHAN

BAHAGIAN A

SOALAN 1.

Apakah yang dimaksudkan dengan Islam sebagai al-din?

SOALAN 2.

Senaraikan ciri-ciri kesempurnaan Islam


SOALAN 3.

Berikan definisi bagi perkara berikut:

- I) Rabbaniyyah
- II) Waqi'yah

SOALAN 4..

Susun peringkat keimanan dalam piramid di bawah





LATIHAN PENGUKUHAN

BAHAGIAN B

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

1

Segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terdapat dalam Islam bersumberkan wahyu Allah s.w.t. dan hadis

Pengertian di atas merujuk kepada

- A Uluhiyyah
- B Rububiyyah
- C Syumuliyyah
- D Rabbaniyyah

2

Selain daripada peraturan hidup, Rabbaniyyah meliputi

- i cara
 - ii hukum
 - iii konsep
 - iv prinsip
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

3

- Islam agama wahyu bukan ciptaan manusia
- Seluruh makhluk merupakan hak milik Allah s.w.t.
- Allah s.w.t. yang menyediakan peraturan hidup

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A dasar syariat Islam
- B bentuk Syumuliyyah
- C ciri-ciri agama Islam
- D prinsip-prinsip Rabbaniyyah

4

Prinsip-prinsip Rabbaniyyah ialah

- i Islam menjamin hak asasi manusia
 - ii Islam adalah agama yang diwahyukan Allah s.w.t.
 - iii Islam dan seluruh makhluk adalah hak milik Allah s.w.t.
 - iv Islam menekankan keseimbangan hidup di dunia dan di akhirat
- A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv



- 5 Agama yang diredai Allah s.w.t. ialah
 - A Islam
 - B Majusi
 - C Nasrani
 - D Buddha
- 6 Berikut adalah cara memiliki sifat Rabbaniyyah, **kecuali**
 - A berakhlik mulia dan terpuji
 - B berjihad dengan harta dan nyawa
 - C bekerja bersungguh-sungguh untuk kesenangan hidup
 - D mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya
- 7 Berikut merupakan kitab-kitab suci Allah s.w.t. yang diturunkan kepada para nabi, **kecuali**
 - A Injil
 - B Zabur
 - C Taurat
 - D Tsamud
- 8 Rabbaniyyah bermaksud
 - A kesaksian
 - B ketuhanan
 - C penciptaan
 - D pembuktian
- 9 Manakah antara pernyataan berikut membuktikan Islam agama langit?
 - i Mempunyai kitab suci
 - ii Disampaikan oleh utusan Allah s.w.t.
 - iii Kelahiran agama Islam tertentu waktunya
 - iv Prinsip-prinsipnya boleh dipindah mengikut zaman
 - A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv
- 10 Agama budaya ialah
 - A ajaran yang dibawa melalui rasul
 - B ajaran yang bersumberkan wahyu Allah s.w.t.
 - C kepercayaan berdasarkan bimbingan wahyu
 - D ajaran yang berdasarkan cita-cita, pengalaman dan penghayatan pengasasnya tanpa bimbingan wahyu
- 11 Berikut adalah amalan syirik, **kecuali**
 - A menyembah api
 - B menyembah berhala
 - C menyembah matahari
 - D menyembah Allah s.w.t.



LATIHAN PENGUKUHAN

BAHAGIAN C

Lengkapkan pernyataan berikut.

1. _____ ialah segala konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang bersumberkan wahyu Allah s.w.t. 1
2. _____ ialah pemberi peraturan hidup kepada seluruh makhluk di dunia ini. 1
3. Konsep _____ atau tauhid, memimpin akal manusia mengenal dan mentaati-Nya. 1
4. _____ dan nahi mungkar merupakan nilai baik yang dianjurkan oleh Allah untuk mengawal keselamatan manusia di dunia dan di akhirat. 1
5. _____ ialah berusaha bersungauh-sungauh dengan mengorbankan harta benda, nyawa, masa dan tenaga. 1





QUIZIZZ

RUKUN ISLAM

Wordwall

CIRI-CIRI KESEMPURNAAN ISLAM





SENARAI RUJUKAN

1. Ismail Kamus et. Al. (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*, Kuala Lumpur: Telaga Biru
2. Muhammad Firdaus bin Nurul Huda & Muhd Ramzi Omar (2006). *Ensiklopedia Asas Fardhu Ain*, Kuala Lumpur: Crescent News (KL) Sdn Bhd
3. Rohidzir Rais et. Al. (2011). *Ensiklopedia Solat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru
4. Roziah Sidik et. Al. (2011). *Pengajian Islam*, Shah Alam: Oxford Fajar
5. Wan Norina Wan Hamat, Norhaslina Sulaiman, Ahmad fkrudin Mohamed Yusoff dan Ammar Badruddin Romli (2019). *Siri Politeknik Pengajian Islam*. Selangor: Oxfot Fajar
6. Yusuf al-Qardawi (2008). *Iman dan kehidupan*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar

Terbitan



e ISBN 978-967-2240-23-5

9 7 8 9 6 7 2 2 4 0 2 3 5